

30 AUG 2003

Mahathir-Petaling

CIRI-CIRI JALAN PETALING PERLU DIKEKALKAN SEBAGAI DAYA PENARIK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ciri-ciri Jalan Petaling atau lebih dikenali sebagai sebahagian daripada Chinatown, perlu dikekalkan sebagai salah satu daya penarik kepada seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan mempromosikan Jalan Petaling ke serata dunia sebagai sebahagian daripada pusat pelancongan di ibu negara.

"Menteri Pelancongan (Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan) Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir telah berjanji dengan saya dia akan mempromosikan Petaling Street ke seluruh dunia," katanya dalam ucapan perasmian Majlis Perhimpunan Patriotik Raksaksa Masyarakat Malaysia di sini hari ini.

Majlis itu dianjurkan oleh Persatuan Pemborong Pakaian Malaysia, Persatuan Penjaja Kuala Lumpur dan Persekutuan Persatuan Nan Ann Malaysia.

Perhimpunan yang berlangsung di Jalan Petaling itu dihadiri kira-kira 20,000 orang.

Dr Mahathir berkata keadaan di Jalan Petaling banyak berbeza dengan 11 tahun yang lalu ketika beliau melawat kawasan itu untuk merasmikan Perayaan Karnival Jalan Petaling.

"Kalau dulu, kedai-kedai, gerai-gerai tak elok kerana duit tak cukup, sekarang kita sudah jadikan ia lebih elok," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata cadangan telah dikemukakan supaya kawasan Jalan Petaling diperindah dan dicantikkan supaya menjadi lebih menarik dan bersih untuk menarik pelancong serta pengunjung.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata kerajaan bersedia membantu dan bekerjasama dengan para peniaga dan penjaja sekiranya mereka memberikan sokongan kepada program yang dijalankan seperti program pengindahakan Jalan Petaling.

Program yang dibahagikan kepada dua fasa itu bermula Mac tahun ini dan siap pada hujung Jun dengan kos sebanyak RM11.5 juta, termasuk pembinaan laluan pejalan kaki, gerai serta bumbung atas Jalan Petaling.

Ditanya sama ada kerajaan mempunyai plan tertentu untuk menjadikan kawasan Jalan Petaling lebih terkenal, Perdana Menteri berkata plan itu telah diwujudkan sejak 11 tahun lalu.

"Kita ada rancangan (untuk Jalan Petaling) sejak 11 tahun, tetapi kini kerjasama mereka lebih baik, jadi kita berjaya laksanakannya. Kita tidak boleh buat apa-apa jika orang ramai tidak mahu," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri yang ditanya pendapatnya mengenai Jalan Petaling sekarang berbanding 12 tahun lepas, Dr Mahathir berkata "kini lebih teratur, lebih menarik".

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan tahap kebersihan di kawasan itu, Dr Mahathir berkata memang perlu ada perubahan dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA

AT AZZ LAT